

MENINGKATKAN PENGELUARAN NOTIS KESALAHAN DI BAWAH PERATURAN- PERATURAN KAWALAN HASIL TEMBAKAU (PPKHT) 2004 DI DAERAH KEMAMAN

Mohd Rosli AW¹, Mohd Nasir MS¹, Khairul Hisham H¹, Wan Mohamad Hairulnizam WMK¹, Che Muhammad Arif CM¹, Mohd Shawalrul Aidi Y¹, Nordiyah WMZ¹, Noorhilman AK¹, Azliza MA²

¹Pejabat Kesihatan Daerah Kemaman, ²Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu



PP-08

01 PEMILIHAN PELUANG UNTUK PENAMBAHBAIKAN

PENGENALAN

Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT) 2004 dikuatkuasa oleh Pegawai Berkuasa di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia di setiap peringkat Pejabat Kesihatan Daerah di seluruh Malaysia. Tujuan PPKHT 2004 dikuatkuasakan adalah untuk mengawalselia penjualan hasil tembakau, kawasan larangan merokok dan peruntukan larangan kepada orang belum dewasa. Peraturan ini penting untuk dikuatkuasakan untuk menjamin kesihatan awam rakyat Malaysia.

PEMILIHAN MASALAH

MASALAH	S	M	A	R	T	Σ
Peratus pengeluaran notis kesalahan dibawah PPKHT 2004 yang rendah.	24	25	18	16	13	96
Peratus membuka kertas siasatan dibawah Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009 dalam tempoh masa 4 hari yang rendah.	21	15	16	14	7	83
Peratus mendapat keizinan mengkompaun dalam tempoh 30 hari daripada Timbalan Pendakwaraya (TPR) yang rendah.	23	25	20	11	10	92
Peratus Kertas Siasatan bagi mendapat keizinan pendakwaan daripada Timbalan Pendakwa Raya dalam tempoh masa 150 hari yang rendah.	13	20	17	12	14	76
Kes keputusan mahkamah bagi Dilepaskan Tanpa Dibeaskan (DNAA) yang tinggi.	14	13	17	16	12	72

Skor Pemarkahan 1,2 – Rendah 3 – Sederhana 4,5 – Tinggi Ahli : 5 orang


ANALISA MASALAH

S	M	A	R	T
• Pencapaian pengeluaran notis PPKHT 2004 menurun 48% dalam tempoh 5 tahun dan tidak mencapai sasaran Key Performance Indicator (KPI) ditetapkan.				
• Data-data penguatkuasaan disimpan di dalam sistem pengkalan data bagi memudahkan data diperolehi dan dianalisa.				
• Projek ini amat berseuaian dengan matlamat kerajaan melalui program Generation End Game (GEG) (2022) dan pewartaan Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 (Akta 852) yang baru diluluskan didalam parlimen (2023).				
• Memastikan sistem pengurusan operasi yang lebih sistematik, cekap dan efisien dalam meningkatkan pengeluaran notis.				
• Boleh dilaksanakan dalam tempoh ditetapkan				


PERNYATAAN MASALAH

Pengeluaran notis kesalahan PPKHT 2004 tidak mencapai sasaran yang ditetapkan sehingga mejeaskan prestasi jabatan yang berpunca daripada faktor pengurusan operasi yang lemah, sikap anggota dan penyediaan kertas siasatan yang membebakan. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti penyebab faktor penyumbang dan mengambil langkah penambahbaikan dalam memastikan peningkatan pengeluaran notis PPKHT 2004 di daerah Kemaman.

SOROTAN LITERATUR






CARTA ALIR PROSEDUR PENGELUARAN KESALAHAN PPKHT 2004



03 PROSES PENGUMPULAN MAKLUMAT

PERKARA	VERIFIKASI	FAKTOR PENYUMBANG	
		KAP	AUDIT DALAMAN
Jenis kajian	Retrospektif	Irisan lintang	Irisan lintang
Sumber data	Daftar Kesalahan PPKHT 2004	Borang soal selidik	Borang audit
Teknik persampelan	Tidak berkaitan	Persampelan bertujuan	Persampelan bertujuan
Tempoh kajian	Disember 2021	Januari 2022	Januari 2022
Inclusion criteria	Semua notis kesalahan PPKHT 2004 di Kemaman	Responden dikalangan PPKP yang ditetapkan sasaran tahunan	SOP pengeluaran notis kesalahan PPKHT 2004
Exclusion criteria	Tiada	Penyelia PPKP dan PKA yang tiada sasaran	Limitasi undang-undang

04 ANALISIS DAN INTERPRETASI



PERKARA	SASARAN	ADA	TIADA
Audit Dalaman Pengurusan Operasi Penguatkuasaan PPKHT			
Sebelum operasi			
Latihan kepada anggota (2 sesi setahun)	100%	50%	50%
Jadual ops bulanan	100%	100%	0%
Kenderaan operasi	100%	100%	0%
Beg dan kelengkapan operasi	100%	100%	0%
Tindakan aduan diterima dalam masa 3 hari	100%	80%	20%
Pemetaan premis hotspot	100%	0%	100%
Semasa operasi			
Taklimat penyelia	100%	80%	20%
Pematuhan prosedur tangkapan	100%	100%	0%
Kawalan keselamatan semasa operasi	100%	40%	60%
Selepas operasi (30 sampel kertas siasatan)			
Tatacara penulisan notis dengan tepat	100%	40%	60%
Penyerahan dokumen dan eksibit dalam tempoh 3 hari	100%	10%	90%
Pemantauan prestasi setiap kali operasi	100%	7%	93%

MODEL OF GOOD CARE

BIL	PROSES	KRITERIA	PIC	STD (%)	PRE (%)	POST (%)
1	Terima arahan menjalankan operasi	Menyediakan jadual perancangan dan surat arahan	PPKPK	100%	10%	100%
		Mengadakan taklimat sebelum operasi	PPKPK	100%	10%	100%
		Menjalankan operasi mengikut jadual	PPKP / PKA	100%	0%	100%
2	Kenalpasti premis / Kawasan Operasi dan modus operandi	Menjalankan operasi mengikut kawasan pemetaan yang ditetapkan	PPKP / PKA	100%	0%	100%
3	Melaksanakan operasi	Pemantauan operasi dengan kehadiran penyelia / pihak polis	PPKPK	85%	0%	100%
4	Sedia dokumen	Menyiapkan dokumen dan diserahkan kepada pegawai penyiasat dalam tempoh masa 3 hari	PPKP / PKA	100%	42%	100%
5	Buka kertas siasatan	Kertas siasatan perlu dirujuk ke TPR dalam tempoh 30 hari	PPKP / PKA	100%	42%	100%

05 STRATEGI PENAMBAHBAIKAN

Isu 1 – Tahap pengetahuan yang rendah dan latihan tidak mencapai sasaran

- Mengadakan latihan & bengkel kepada pegawai berkuasa

Isu 2 – Sasaran premis tiada perokok

- Menyediakan pemetaan premis hotspot yang melibatkan aduan dan premis yang tinggi notis PPKHT dikeluarkan

Isu 3 – Kurang penyeliaan dan keselamatan

- Operasi Inter-Agensi Bersama PDRM dan pemantauan penyelia bagi isu keselamatan


Isu 4 – Penyediaan kertas siasatan sukar dan memakan masa

- Penyediaan sistem Google form untuk pelaporan pencapaian Ops secara atas talian bagi penyediaan kertas siasatan.

Isu 5 – Motivasi rendah pegawai berkuasa

- Pemantauan prestasi pegawai berkuasa
- Sijil penghargaan bulanan untuk meningkatkan motivasi pegawai

06 KESAN PENAMBAHBAIKAN



02 PENGUKURAN UTAMA PENAMBAHBAIKAN

CARTA ANALISA SEBAB DAN AKIBAT



DEFINISI TERMA

- Notis kesalahan – Notis yang dikeluarkan oleh pegawai berkuasa kepada orang yang melanggar kesalahan merokok untuk ditawarkan kompaun atau hadir ke mahkamah.
- Pegawai berkuasa – Pegawai dan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran yang dilantik oleh menteri di bawah Seksyen 3 Akta Makanan 1983.
- Kertas siasatan – Dokumen rasmi yang disediakan oleh pegawai penyiasat untuk dihantar ke Timbalan Pendakwaraya bagi mendapat izin kompaun dan izin dakwa bagi kesalahan merokok.

OBJEKTIF UMUM

Meningkatkan pengeluaran notis kesalahan 32B di bawah PPKHT 2004 bagi mencapai sasaran yang ditetapkan di Daerah Kemaman.

OBJEKTIF KHUSUS

- Menilai peratusan ketidakcapaian dalam tempoh 5 tahun.
- Mengenalpasti punca ketidakcapaian peraturan yang rendah.
- Mengenalpasti dan melaksanakan tindakan penambahbaikan.
- Menilai keberkesanan tindakan penambahbaikan yang dilaksanakan.

INDIKATOR

Peratus notis kesalahan PPKHT 2004 yang dikeluarkan oleh pegawai berkuasa.

$$\frac{\text{Bil. Notis Kesalahan Yang Dikeluarkan}}{\text{Bil. Notis Sasaran Yang Ditetapkan}} \times 100$$


Standard 100%

*Sasaran berdasarkan 36 notis per Pegawai Berkuasa setahun x jumlah pegawai berkuasa Sumber Spesifikasi Output Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu (JKNT)

07 LANGKAH SETERUSNYA

- Replikasi projek kajian ini telah dikembang dan diperluaskan ke semua daerah. Projek ini telah dijadikan satu model pelaksanaan proses kerja bagi meningkatkan prestasi penguatkuasaan di seluruh Terengganu.
- Input daripada projek ini telah ditambah baik oleh (UIP) Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu dengan membina suatu sistem pengurusan kertas siasatan secara atas talian yang dinamakan sebagai "Electronic Enforcement Information System" (EELS) serta telah digunakan oleh seluruh daerah Negeri Terengganu pada 2023.
- Bagi memastikan kelestarian projek ini kajian seterusnya telah dijalankan iaitu "Meningkatkan Penyelesaian Kes Tertunggak PPKHT 2004 di daerah Kemaman" pada tahun 2022 agar sasaran spesifikasi output UIP, JKNT dapat dicapai sepenuhnya.

KESIMPULAN & KESAN PELAKSANAAN PROJEK



PENGHARGAAN

Penghargaan kepada Dato' Dr.Hjh Kasemani binti Embong, Pengarah Kesihatan Negeri, Dr. Mohd Anuar bin Abd Rahman, Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam), Dr Azliza Binti Mat Amin (Fasilitator Negeri), Pegawai Kesihatan Daerah Kemaman,

Dr. Mohd. Shafik bin Abd Majid (Penasihat) kerana memberi kebenaran dan sokongan yang berterusan untuk menjalankan projek ini. Tidak lupa juga sekalong penghargaan kepada penyelaras kualiti daerah Kemaman iaitu Dr. Normazni Binti Mat Pa. Seterusnya kepada semua yang terlibat dalam menjalankan projek ini sama ada secara langsung atau tidak langsung.

RUJUKAN

- Jamil, A., Izzatur, R., Samsiah, A., Siti Haniza, M., Raja Zarina, RS., Normaizira, H., Nurkhairah, B., 2020. QA/QI Workbook, The Problem-Solving Approach 3rd Edition. Institute for Health Systems Research, MOH.
- Kamarulzaidi, K. 2022. Akta larangan rokok perlu input semua pihak. BH Online, 23 April. <https://www.bharian.com.my/bisnes/ain-lain/2022/04/948925/akta-larangan-rokok-perlu-input-semua-pihak> [27 Ogos 2022]

- Kementerian Kesihatan Malaysia. 2016. Prosedur Operasi Piawai Penguatkuasaan dan Perundangan Kesihatan Awam. Kementerian Kesihatan Malaysia, Putrajaya
- Kementerian Kesihatan Malaysia. 2016. National Strategic Plan for Non-communicable Disease 2016-2025. Kementerian Kesihatan Malaysia, Putrajaya.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. 2019. Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan 2019. Kementerian Kesihatan Malaysia, Putrajaya.

